

15 DISEMBER 2017

Tiga maut: Pemandu, kelindan lori direman

Tiga maut: Pemandu, kelindan lori direman

BATU GAJAH 14 Dis. - Seorang pemandu dan kelindan lori direman empat hari mulai hari ini bagi membantu siasatan kes kemalangan yang mengakibatkan tiga sekeluarga maut di Jalan Bota Kanan-Teluk Intan pagi semalam.

Perintah reman sehingga 17 Disember ini terhadap kedua-dua lelaki berusia 25 dan 27 tahun itu dikeluarkan oleh Majistret Mohd. Fitri Sadarudin mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah semasa prosiding di Mahkamah Majistret di sini.

Pemandu lori berasal dari Temangan, Kelantan dan kelindannya dari Bukit Besi, Terengganu itu ditahan bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan terhadap mereka mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana memandu secara berbahaya dan mendatangkan bahaya kepada orang awam.

Terdahulu, kedua-dua suspek yang memakai baju lokap warna ungu dibawa ke mahkamah dengan diiringi anggota polis kira-

kira pukul 9.10 pagi sebelum prosiding reman dimulakan kira-kira setengah jam kemudian.

Semalam, Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintenden Mohamad Zainal Abdullah mengesahkan hasil ujian saringan air kencing terhadap pemandu dan kelindan lori itu juga mendapati kedua-dua mereka positif dadah jenis methamphetamine.

Dalam kejadian kira-kira pukul 6.30 pagi semalam, tiga sekeluarga maut selepas kereta yang dinaiki mereka bertembung dengan sebuah lori sebelum terjunam ke dalam tali air berhampiran Kampung Teluk Memali, Jalan Bota Kanan-Teluk Intan.

Mangsa, Ahmad Nor Al-Zaidin Ahmad Azzudin, 35, bersama isteri, Norhaslina Abdul Razak, 27, dan adiknya, Nor Azira Ahmad Azzudin, 24, disahkan meninggal dunia di tempat kejadian akibat kemalangan itu.

Pasangan itu meninggalkan seorang anak perempuan, Nur Damia Qistina yang berumur empat tahun.



PEMANDU dan kelindan lori yang terlibat dalam kemalangan mengakibatkan tiga sekeluarga maut di Jalan Bota Kanan-Teluk Intan kelmarin, dibawa untuk perintah tahanan reman di Mahkamah Majistret Batu Gajah, Perak, semalam. - UTUSAN/
KAMAL BASIR WAHAB